

16 NOV 1998

APEC-BERITA-SIAZON/I

PERBICARAAN ANWAR TELUS, KATA MANILA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Filipina mengakui perbicaraan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dikendalikan dengan lebih telus.

Menteri luarnya Domingo Siazon berkata terdapat banyak ketelusan dalam perbicaraan kes Anwar.

"Perbicaraan Anwar kelihatan dikendalikan dengan adil," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dua hala antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan presiden Filipina Joseph Estrada di acara sampingan Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Apec yang bermula esok.

"Proses pengadilan kelihatan adil seperti yang kami harapkan," katanya apabila ditanya sama ada Estrada telah membangkitkan isu mengenai Anwar dengan Dr Mahathir.

Estrada, sebelum ini sering menyuarakan sokongannya terhadap Anwar dan malahan dikatakan mungkin akan menemui Anwar serta isterinya Datin Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika beliau berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Apec.

Bagaimanapun, Estrada memutuskan untuk membatalkan pertemuan itu berikutan jadualnya yang ketat.

Siazon juga berkata Estrada tidak membangkitkan isu mengenai Anwar dengan Mahathir ketika pertemuan dua hala mereka.

Apabila ditanya sama ada Filipina tidak lagi bimbang terhadap perbicaraan Anwar setelah mengakui terdapat ketelusan dalam proses itu, Siazon berkata: "Kami sentiasa mengambil berat mengenai perkara itu tetapi kebanyakan daripada anda telah menyaksikan sendiri laporan mengenai perbicaraan itu".

Siazon berkata ketelusan dapat dilihat daripada keputusan pihak berkuasa Malaysia untuk membolehkan orang asing memerhati proses perbicaraan itu.

Beliau berkata malahan tiga ahli kongres Filipina berada di Kuala Lumpur baru-baru ini "tanpa menghiraukan nasihat saya" untuk memerhati perbicaraan itu.

Apabila ditanya mengapa Estrada tidak membangkitkan isu mengenai Anwar dengan Dr Mahathir, Siazon menjelaskan bahawa Estrada telahpun menyatakan bahawa pandangannya sebelum ini adalah bersifat peribadi.

"Anda mesti faham konteks ketika kenyataan itu dibuat. Pertamanya, ia dibuat secara peribadi dan keduanya ia berlaku ketika Anwar dilihat mengalami kecederaan fizikal ketika ditahan di bawah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri)," katanya.

Siazon berkata terdapat sedikit kemajuan apabila Anwar dibebaskan daripada ISA dan juga apabila Dr Mahathir mengarahkan satu penyiasatan ke atas tuduhan tindakan ganas polis terhadap Anwar.

Anwar didakwa dengan lima tuduhan rasuah dan lima tuduhan salah laku seks.

Perbicaraan empat daripada lima tuduhan rasuah itu akan disambung semula pada 23 Nov ini.

Siazon juga berkata beliau tidak akan menemui isteri Anwar, Dr Wan Azizah.

Mengenai hubungan dua hala, Siazon berkata Malaysia dan Filipina menikmati hubungan yang baik.

-- BERNAMA

ES ZK MA

